



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

HARMONI DALAM KEPELBAGAIAN LANDASAN UTAMA MENUJU PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN

PUTRAJAYA, 14 Januari – Harmoni Dalam Kepelbagaian telah dipilih sebagai tema dan landasan utama hala tuju Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menuju Perpaduan Dalam Kepelbagaian pada tahun 2025. Perkara ini telah diumumkan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara ketika menyampaikan ucapan amanat tahun baharu 2025 kepada seluruh pegawai dan kakitangan KPN di Dewan Damar Sari, Kompleks F, hari ini.

Fokus utama KPN adalah mewujudkan platform dan tapak integrasi yang dapat meningkatkan interaksi sosial antara rakyat berbilang bangsa iaitu pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program. Sepanjang tahun 2024, KPN melalui jabatan dan agensi di bawahnya telah berjaya melaksanakan sebanyak **730 program merangkumi 300 program berimpak tinggi** yang berteraskan kepada **kluster Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah**.

Mengimbasi kembali antara pencapaian utama KPN pada tahun 2024, YB Datuk Aaron telah berkongsi mengenai kejayaan inisiatif Pemeriksaan Rukun Tetangga Progresif, Sambutan Minggu Perpaduan, Lafaz Ikrar Rukun Negara, Penghayatan Rukun Negara, Mediator Komuniti, Pusat Mediasi Komuniti, Biasiswa Tunku Abdul Rahman, Liga Sukan Uniti, Inisiatif Harmoni MADANI, Konvensyen Sejarah dan Perpaduan Nasional serta *Friends of Unity*.

Tambah beliau lagi, “Sebagai usaha untuk memastikan kesinambungan kestabilan negara, konsep **Negara Bangsa** akan diperkenalkan bagi membentuk satu masyarakat yang bersatu padu, menghormati perbezaan dan berkongsi identiti sebagai rakyat Malaysia. Negara Bangsa adalah satu usaha untuk menyatukan semua perbezaan ini di bawah payung identiti nasional. Bagi merealisasikan konsep ini, satu **Konvensyen Negara Bangsa Peringkat Kebangsaan** akan diadakan”.

Selain itu, KPN dan Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) akan bekerjasama dalam menjayakan pelaksanaan **Piagam Harmoni**. Piagam Harmoni ini merangkumi **enam (6) prinsip, 12 nilai keharmonian, 32 panduan dan sembilan**

(9) hala tuju.

YB Datuk Aaron Ago Dagang turut berkongsi empat (4) ikhtiar utama KPN pada tahun 2025 yang menjadi keutamaan dalam agenda perpaduan negara seperti berikut :

1. **Ikhtiar 1 – Ekosistem Perpaduan** yang menjadi platform untuk memupuk interaksi yang lebih erat antara komuniti.
2. **Ikhtiar 2 – Inisiatif Harmoni MADANI** sebagai usaha meningkatkan dan memperkuatkannya keharmonian antara masyarakat pelbagai kaum serta penganut agama di negara ini.
3. **Ikhtiar 3 – Eksplorasi Rukun Negara** dengan meningkatkan penghayatan serta memperkasa nilai-nilai Rukun Negara sebagai nadi kepada perpaduan negara.
4. **Ikhtiar 4 – Komuniti Sosio-Budaya** bagi melahirkan rakyat Malaysia yang peka dan menghargai khazanah warisan negara terutamanya berkaitan muzium, arkib dan perpustakaan.

Keempat-empat ikhtiar ini akan menyaksikan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program merentasi jabatan dan agensi sepanjang tahun 2025 sebagai usaha KPN mewujudkan platform dan tapak integrasi yang dapat meningkatkan interaksi sosial antara rakyat berbilang bangsa.

YB Menteri turut mengumumkan sempena Malaysia sebagai Kepengerusian ASEAN 2025, KPN melalui Perpustakaan Negara Malaysia akan menganjurkan *19th Congress of Southeast Asian Librarians General Conference and Meeting (CONSAL XIX)* dengan tema *Inclusive Knowledge : Bridging Divides, Empowering All* pada bulan Jun di Kuala Lumpur.

KPN akan terus komited dalam memastikan usaha berterusan bagi memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat terutama melalui Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13).

Kementerian Perpaduan Negara

14 Januari 2025

Ruj. Fail : KPN.100-9/1/16 (1)